

UCAPAN OLEH

**YB. DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
DI MAJLIS PENYAMPAIAN MALAYSIA GOOD DESIGN MARK 2014**

**SELASA, 14 APRIL 2015 (8.00 MALAM)
PUTRAJAYA BALLROOM 2
HOTEL MARRIOTT PUTRAJAYA**

**“PENGIKTIRAFAN PRODUK TERBAIK
REKAAN DAN KELUARAN TEMPATAN”**

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

2. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) kerana menjemput saya menyampaikan *Malaysia Good Design Mark 2014* kepada industri yang berjaya menghasilkan produk dengan inovasi rekabentuk terbaik kali ini.

3. Saya juga mengucapkan syabas kepada syarikat-syarikat yang bakal menerima *Malaysia Good Design Mark* pada malam ini dan berharap agar program ini menjadi pilihan syarikat pengeluar produk di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. *Malaysia Good Design Mark* (MGDM) yang kini telah memasuki tahun ke-18 merupakan pengiktirafan Kerajaan melalui MRM kepada rekabentuk produk yang berkualiti dan inovatif. Pengiktirafan sejak tahun 1997 ini memperakui usaha sektor industri dalam melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan ke

arah mempertingkatkan produk baharu. Sebanyak 763 unit produk telah dinilai dan 428 daripadanya telah berjaya mendapat pengiktirafan MGDM setelah melalui peringkat penilaian yang ketat.

5. Saya dimaklumkan bahawa kini sebanyak 448 syarikat telah menerima *Malaysia Good Design Mark*. Saya berharap MRM akan terus mempergiat usaha mempromosi MGDM supaya bilangan ini dapat dipertingkatkan lagi.

6. Saya juga dimaklumkan bahawa penyertaan syarikat bumiputera dalam *Malaysia Good Design Mark* yang pada awalnya tidak begitu memberangsangkan telah menunjukkan peningkatan dalam 5 tahun kebelakangan, khususnya syarikat mikro industri dalam kategori pembungkusan. Kini sebanyak 78 buah syarikat bumiputera telah menerima pengiktirafan MGDM.

7. Saya juga mengalu-alukan usaha MRM yang sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi yang sama di negara maju seperti Japan Institute of Design Promotion (JDP), Korea Institute of Design Promotion (KIDP), German Design Zentrum dan sebagainya bagi memastikan kualiti produk yang menerima *Malaysia Good Design Mark* setaraf dengan lain-lain *good design award* di peringkat antarabangsa. Melalui kerjasama strategik seperti ini, saya yakin MRM dapat menimba pengalaman daripada negara Jepun dan Republik Korea.

8. *Today, good design award is a universal recognition as design is now a strategic tool that empowers branding and drives core philosophy of the company. Other than giving recognition to product design, good design award also acknowledges the contribution of design to designomics, which endorses the value of strategic integration of design in generating profits for business.*

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kita dikelilingi dengan pelbagai pilihan produk di pasaran dalam dan luar negara. Produk-produk tersebut bukan sahaja ditambahbaik dari aspek teknologi dan kualiti, tetapi juga rekabentuknya. Bagi produk yang memiliki fungsi, teknologi, kualiti dan harga yang hampir sama, rekabentuklah yang menjadi penentu samada ia akan diterima atau popular di kalangan pengguna.

10. Justeru, saya menyokong langkah yang diambil oleh MRM menerusi *Malaysia Good Design Mark*. Ini kerana ia merupakan satu lagi langkah yang boleh mencabar profesionalisme para pereka dan industri dalam memenuhi standard rekabentuk untuk memastikan daya saing produk tempatan kekal kompetitif di pasaran global. Kita harus mencontohi Republik Korea yang merupakan antara negara yang telah membuktikan sumbangan yang signifikan oleh *designomics* kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Selepas memperkenalkan Tahun Penggalakan Sains dan Gerakan Inovasi (SGI) pada 2012, MOSTI telah mengambil langkah lebih proaktif dengan menggandakan usaha untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti pengkomersilan, khususnya bagi penerima dana R,D&C MOSTI. Justeru pada tahun 2014, MOSTI telah melancarkan Tahun Pengkomersilan Produk R,D&C. Usaha pengkomersilan ini diperkukuhkan lagi di bawah pengumuman Bajet 2015 yang mensasarkan 360 produk inovasi berimpak tinggi dikomersilkan dalam tempoh 5 tahun. Saya berharap MRM melalui fokusnya kepada aspek reka bentuk akan turut menyumbang ke arah pencapaian KPI ini.

12. Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan tahniah kepada penerima Malaysia Good Design Mark 2014. Saya juga menyeru agar lebih banyak industri pembuatan di Malaysia menyokong usaha Kerajaan dan MRM untuk memperkasakan kualiti produk rekaan dan keluaran Malaysia melalui inovasi rekabentuk.

Sekian, terima kasih.